

## **FAQ PELAKSANAAN ELAUN GANGGUAN**

### **Pertukaran Wilayah Atas Permohonan Sendiri**

1. **Pegawai memohon untuk bertukar wilayah kerana hendak mengikut suami yang bertukar wilayah.**

Pegawai yang memohon sendiri untuk bertukar wilayah tidak layak menuntut Elaun Gangguan kerana prinsip pemberian Elaun Gangguan adalah untuk pegawai yang diarahkan bertukar wilayah.

2. **Pegawai bertukar wilayah telah memohon untuk bertukar semula ke wilayah asal kerana telah bertugas lebih dari 7 tahun di kawasan pedalaman.**

Pegawai yang memohon sendiri untuk kembali semula ke wilayah asal tidak layak menuntut Elaun Gangguan kerana prinsip pemberian Elaun Gangguan adalah untuk pegawai yang diarahkan bertukar semula ke wilayah asal.

3. **Pegawai berasal dari Labuan dan diarahkan bertukar ke Sarawak. Semasa berkhidmat di Sarawak, pegawai telah memohon untuk Cuti Belajar dan pulang semula ke wilayah asalnya untuk menyambung pelajaran.**

Pegawai tidak layak Elaun Gangguan kerana pertukaran semula ke wilayah asal untuk menyambung pelajaran adalah atas permohonan pegawai sendiri.

### **Pegawai Bersara di Wilayah Berkhidmat**

4. **Pegawai berasal dari Sabah telah diarahkan bertugas di Semenanjung sehingga ke tarikh persaraannya. Apabila bersara, pegawai hendak pulang semua ke wilayah asalnya.**

Pegawai yang bersara di wilayah selain dari wilayah asalnya adalah tidak layak Elaun Gangguan memandangkan pemberian Elaun Gangguan adalah untuk pegawai yang masih berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam dan diarahkan untuk bertukar semula ke wilayah asalnya. Walau bagaimanapun, pendahuluan yang diterima pegawai semasa diarahkan bertukar wilayah, sekiranya ada, tidak perlu dikutip semula.

## **Pegawai Suami Isteri Yang Bertukar Ke Wilayah Yang Sama**

- 5. Pegawai suami isteri berasal dari Sarawak dan bertukar wilayah ke Semenanjung. Isteri telah menuntut Elaun Gangguan atas kadar separuh sebagai pendahuluan. Walau bagaimanapun, isteri telah meninggal dunia di Semenanjung dan suami bertukar semula ke wilayah asal.**

Dalam keadaan di mana isteri telah menerima pendahuluan Elaun Gangguan semasa bertukar namun meninggal dunia di wilayah berkhidmat, suami boleh menuntut Elaun Gangguan mengikut kadar sebulan gaji hakiki apabila diarahkan bertukar semula ke wilayah asalnya tanpa perlu memotong pendahuluan yang telah diterima isteri sebelum ini.

- 6. Pegawai suami isteri berasal dari Semenanjung dan bertukar wilayah ke Sabah. Suami isteri tersebut telah bercerai dan suami bertukar semula ke wilayah asal.**

Pegawai suami isteri yang bercerai semasa di wilayah berkhidmat boleh menuntut Elaun Gangguan mengikut kadar gaji masing-masing kerana kedua pegawai itu kembali semula ke wilayah asal sebagai individu yang berbeza. Pasangan yang telah menerima pendahuluan Elaun Gangguan semasa diarah bertukar wilayah hanya layak menuntut baki elaun tersebut semasa bertukar semula ke wilayah asal.

- 7. Pegawai suami isteri berasal dari Sabah dan bertukar wilayah ke Sarawak pada tahun 2010. Pada tahun 2014, isteri telah diarahkan untuk kembali semula ke wilayah asal dan suami bertukar semula ke wilayah asal pada tahun 2017.**

Dalam keadaan di mana suami isteri tidak bertukar semula ke wilayah asal secara serentak, hanya seorang sahaja yang layak menuntut Elaun Gangguan berasaskan gaji pasangan yang lebih tinggi.

- 8. Pegawai bertukar wilayah dan kemudiannya berkahwin semasa bertugas di wilayah berkhidmat dengan pegawai yang bertukar wilayah dari wilayah yang sama, dan diarahkan bertukar semula ke wilayah asal.**

Sebagaimana yang telah ditetapkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1988, dua orang pegawai suami isteri yang bertukar ke wilayah yang sama, hanya seorang sahaja yang layak menuntut Elaun Gangguan, berasaskan kepada pegawai yang menerima gaji yang lebih tinggi. Namun,

pendahuluan yang telah diterima oleh pasangan bergaji lebih rendah tidak perlu dikutip semula memandangkan pegawai bertukar wilayah semasa bujang dan mempunyai kelayakan masing-masing.

### **Pejabat Pembayar**

- 9. Pegawai berasal dan berkhidmat di Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak mulai tahun 2016. Pada tahun 2019, pegawai ditukarkan ke Kementerian Pendidikan Malaysia. Jabatan manakah yang bertanggungjawab membuat pembayaran Elaun Gangguan?**

Selaras dengan PP 4/1988 yang menjelaskan bahawa **sebelum pegawai itu bertukar** beliau bolehlah, sekiranya perlu, dibayar Elaun Gangguan secara pendahuluan, sebanyak separuh daripada gaji yang diterimanya ketika itu. Baki bayaran Elaun Gangguan ini akan dibayar berasaskan kepada gaji terakhir yang diterima pegawai itu **sejurus sebelum beliau bertukar semula ke wilayah asalnya**. Oleh yang demikian, pembayaran Elaun Gangguan adalah menjadi **tanggungjawab pejabat terakhir pegawai berkhidmat** sebelum bertukar atau kembali ke wilayah asal.

### **Tempoh Tuntutan Elaun Gangguan**

- 10. Pegawai telah diarahkan bertukar semula ke wilayah asalnya pada 5 Julai 2018. Walau bagaimanapun, pegawai hanya mengemukakan tuntutan Elaun Gangguan pada 2 Februari 2019.**

Tuntutan Elaun Gangguan perlu dikemukakan oleh pegawai kepada Ketua Jabatan dalam tempoh masa yang munasabah iaitu setelah arahan pertukaran dikeluarkan dan sebelum perpindahan berlaku atau dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh arahan pertukaran. Tempoh masa yang munasabah ini diperlukan bagi membolehkan permohonan pegawai diproses atau sebarang pindaan dibuat pada maklumat yang dikemukakan di dalam borang tuntutan, sekiranya perlu.

Prinsip asas pembayaran bagi pembayaran elaun adalah mengikut tarikh semasa kelulusan elaun tersebut. Walau bagaimanapun, pembayaran bagi sebarang elaun yang dikebelakangkan adalah berdasarkan kepada kelulusan Ketua Jabatan tertakluk kepada peruntukan Jabatan dan pematuhan terhadap tatacara kewangan seperti yang ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan.